



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA,
APRIL 2026**

**Kadar pengangguran April kembali meningkat kepada
3.0 peratus, merekodkan 511.8 ribu penganggur**

PUTRAJAYA, 11 JUN 2026 - Kadar pengangguran April kembali meningkat kepada 3.0 peratus, merekodkan 511.8 ribu penganggur menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Statistik ini diperincikan dalam laporan **Statistik Tenaga Buruh, April 2026**. Laporan tersebut memberikan gambaran mengenai penawaran buruh Malaysia, berdasarkan data daripada Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan tenaga buruh Malaysia pada April 2026, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh negara terus menunjukkan pertumbuhan sederhana pada bulan tersebut, mencerminkan perkembangan ekonomi yang stabil. Sehubungan itu, tenaga buruh naik 0.1 peratus kepada 17.33 juta orang berbanding 17.31 juta orang pada Mac 2026. Manakala, kadar penyertaan tenaga buruh kekal tidak berubah iaitu pada 70.9 peratus, sama seperti bulan sebelumnya."

Sementara itu, bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada April 2026, bertambah sebanyak 0.1 peratus kepada 16.82 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: 16.80 juta orang). Begitu juga, bilangan penganggur kekal dalam trend menaik, bertambah 0.6 peratus kepada 511.8 ribu orang, berbanding 509.0 ribu orang pada bulan yang lalu. Sehubungan itu, kadar pengangguran pada bulan tersebut naik 0.1 mata peratus kepada 3.0 peratus (Mac 2026: 2.9%), sekali gus kembali kepada paras yang pernah direkodkan pada Oktober 2025.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, kategori pekerja merangkumi 75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada April 2026. Kategori ini meningkat sedikit 0.05 peratus kepada 12.61 juta orang (Mac 2026: 12.60 juta orang). Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja sendiri terus menunjukkan trend peningkatan dan naik 0.2 peratus kepada 3.15 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: 3.14 juta orang).

Dari perspektif sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah penduduk bekerja, dengan majoritinya terlibat dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi. Bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Pertanian, serta Perlombongan & pengkuarian turut merekodkan pertumbuhan positif pada bulan tersebut.

Memberikan gambaran lanjut mengenai situasi pengangguran pada April 2026, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa penganggur aktif, ditakrifkan sebagai mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 79.5 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini mencatatkan peningkatan 0.3 peratus kepada 407.1 ribu orang (Mac 2026: 405.8 ribu orang). Sebanyak 63.9 peratus daripada penganggur aktif menganggur kurang daripada tiga bulan, sementara 5.0 peratus daripadanya berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Pada masa yang sama, penganggur tidak aktif, yang terdiri daripada mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, meningkat 1.5 peratus kepada 104.7 ribu orang berbanding 103.2 ribu orang pada bulan sebelumnya.

Kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada kadar 10.2 peratus pada April 2026, dengan sejumlah 290.8 ribu penganggur belia (Mac 2026: 290.0 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun meningkat 0.1 mata peratus kepada 6.3 peratus, dengan seramai 394.7 ribu penganggur belia direkodkan pada bulan tersebut (Mac 2026: 6.2%; 390.9 ribu orang).

Sementara itu, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada April 2026 menurun sedikit 0.01 peratus kepada 7.10 juta orang, berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: 7.10 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga kekal sebagai sebab utama berada di luar tenaga buruh, merangkumi 43.3 peratus, diikuti oleh sebab bersekolah/ latihan dengan 40.5 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, prospek ekonomi dan pasaran buruh Malaysia dijangka kekal positif dalam jangka masa terdekat, disokong oleh asas ekonomi domestik yang kukuh, momentum pelaburan yang berterusan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian yang berpunca daripada krisis tenaga global, perkembangan geopolitik dan kedudukan permintaan luaran dijangka akan terus mempengaruhi momentum pertumbuhan ekonomi serta prestasi pasaran buruh. Dalam tempoh yang akan datang, usaha memperkukuh keyakinan perniagaan, meningkatkan kebolehsuaian tenaga kerja dan merangsang pertumbuhan produktiviti akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan ekonomi dan pasaran buruh negara kekal berdaya tahan.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari - April 2026



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari - April 2026



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari - April 2026



Nota: Statistik Survei Tenaga Buruh bagi Januari 2026 dan seterusnya dianggar menggunakan data unjuran berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,
APRIL 2026**

**April's unemployment rate returned to 3.0 per cent, recording
511.8 thousand unemployed**

PUTRAJAYA, JUNE 11, 2026 - April's unemployment rate returned to 3.0 per cent, recording 511.8 thousand unemployed according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM). The figures were detailed in the **Labour Force Statistics, April 2026** release. The report provides insights on the Malaysia's labour supply, based on data from the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on Malaysia's overall labour force performance in April 2026, Chief Statistician Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The country's labour market continued to show modest growth during the month, reflecting the economy's steady expansion. Accordingly, the labour force edged up 0.1 per cent to 17.33 million persons compared to 17.31 million persons in March 2026. Meanwhile, the labour force participation rate remained unchanged at 70.9 per cent, the same as in the previous month."

In the meantime, the number of employed persons continued to increase in April 2026, rising by 0.1 per cent to 16.82 million persons against the previous month (March 2026: 16.80 million persons). Likewise, the number of unemployed persons remained on an upward trajectory, edging up by 0.6 per cent to 511.8 thousand persons, compared to 509.0 thousand persons in the prior month. Consequently, the unemployment rate during the month rose by 0.1 percentage points to 3.0 per cent (March 2026: 2.9%), returning to the level recorded in October 2025.

According to the Chief Statistician Malaysia, the employees' category constituted 75.0 per cent of total employed persons in April 2026. This category increased marginally by 0.05 per cent to 12.61 million persons (March 2026: 12.60 million persons). In the meantime, the number of own-account workers continued to trend upward and rose by 0.2 per cent to 3.15 million persons against the preceding month (March 2026: 3.14 million persons).

From an economic sector perspective, the Services sector remained the primary contributor to the total employed persons, with the majority engaged in the Wholesale & retail trade; Accommodation and food & beverage service activities; and Information & communication. The number of employed persons in the Manufacturing, Construction, Agriculture, and Mining & quarrying sectors likewise recorded positive growth during the month.

Providing further insight into the unemployment situation in April 2026, the Chief Statistician Malaysia highlighted that the actively unemployed, defined as those who were available for work and actively seeking jobs, accounted for 79.5 per cent of the total unemployed persons. This group posted an increase of 0.3 per cent to 407.1 thousand persons (March 2026: 405.8 thousand persons). A total of 63.9 per cent of the actively unemployed were unemployed for less than three months, while 5.0 per cent were in long-term unemployment for more than a year. At the same time, the inactively unemployed, comprising those who believed that no jobs were available, went up by 1.5 per cent to 104.7 thousand persons compared with 103.2 thousand persons in the previous month.

The unemployment rate among youths aged 15 to 24 years stood at 10.2 per cent in April 2026, with a total of 290.8 thousand unemployed youths (March 2026: 290.0 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate for youths aged 15 to 30 years edged up by 0.1 percentage points to 6.3 per cent, with 394.7 thousand unemployed youths recorded during the month (March 2026: 6.2%; 390.9 thousand persons).

In the meantime, the number of persons outside the labour force in April 2026 declined marginally by 0.01 per cent to 7.10 million persons, compared with the previous month (March 2026: 7.10 million persons). Housework/ family responsibilities remained the primary reason for being outside the labour force, constituting 43.3 per cent, followed by the schooling/ training reason with 40.5 per cent.

Concluding the statement, Malaysia's economic and labour market outlook is expected to remain favourable in the near term, supported by resilient domestic fundamentals, sustained investment momentum and ongoing development initiatives. Nevertheless, uncertainties arising from the global energy crisis, geopolitical developments and external demand conditions may continue to influence the pace of economic expansion and labour market performance. Moving forward, efforts to strengthen business confidence, enhance workforce adaptability and support productivity growth will remain crucial in ensuring the continued resilience of both the economy and the labour market.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January - April 2026




Chart 2: Unemployment, Malaysia, January - April 2026




Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January - April 2026



Note: The Labour Force Survey statistics for January 2026 onwards are estimated using projection data based on the latest current population estimates

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11th JUNE 2026